

NO. SOALAN: 85

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
[POKOK SENA]**

TARIKH : 28 MEI 2015 (KHAMIS)

SOALAN:

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dibuat pihak Kerajaan bagi meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965 (Akta 355) dalam usaha untuk mengangkat martabat taraf Mahkamah Syariah.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kerajaan Persekutuan menyedari had bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah adalah terhad kepada hukuman pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, denda yang tidak melebihi lima

ribu ringgit dan sebatan yang tidak melebihi enam kali atau apa-apa gabungan hukuman-hukuman tersebut berdasarkan seksyen 2 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355].

Dalam hal ini, Kerajaan sedang meneliti cadangan pindaan kepada Akta 355 yang bertujuan untuk memperluaskan bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah yang sedia ada. Ini adalah untuk memastikan cadangan pindaan kepada Akta 355 tersebut dibuat secara teratur mengikut kerangka Perlembagaan Persekutuan.

Usaha ini juga adalah selaras dengan cadangan untuk menaik taraf dan mewujudkan lima peringkat mahkamah Syariah di negara ini iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tengah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah Negeri dan Majlis Rayuan Syariah. Dalam masa yang sama, kedudukan Hakim-Hakim Mahkamah Syariah juga akan disemak semula dan dinaik taraf. Di samping itu, Kerajaan juga sedang berusaha untuk memantapkan aspek pendakwaan dan penguatkuasaan bagi menjamin prinsip keadilan dan kesaksamaan dalam pelaksanaan undang-undang jenayah Syariah.

Memandangkan perkara-perkara berkaitan hal ehwal agama Islam adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Butiran I, Senarai II, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, justeru rundingan dengan Majlis Agama Islam Negeri-Negeri dilaksanakan bagi mendapatkan pandangan dan pertimbangan negeri-negeri. Seterusnya apa-apa pindaan kepada Akta 355 yang dicadangkan tersebut akan ditaklimatkan kepada Majlis Raja-

Raja. Tindakan sewajarnya akan diambil oleh Kerajaan selepas keputusan diperoleh daripada Majlis Raja-Raja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan dari semasa ke semasa, sedang dalam tindakan aktif untuk melaksanakan cadangan untuk meningkatkan had bidang kuasa Mahkamah Syariah dan menaik taraf Mahkamah Syariah.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN HAJI AHMAD [MERSING]

TARIKH : 28 MEI 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Haji Ahmad [Mersing] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bersedia menimbangkan semula cadangan pembinaan jambatan menggantikan tambak Johor.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan menggunakan Jadual Keempat di bawah Peraturan 6(1)(m)(ii) Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dan Perniagaan Agensi Pengembaraan) 1992 bagi menentukan jumlah maksimum caj pembatalan yang boleh dikenakan ke atas pembeli pakej pelancongan iaitu bagi individu atau *Free Independent Traveller* (FIT), caj pembatalan maksimum adalah seperti berikut:-

- (a) Jika syarikat pengendalian pelancongan **menerima notis pembatalan secara bertulis** dalam tempoh 30 hari dan ke atas sebelum tarikh berlepas, syarikat hanya boleh mengenakan fi pentadbiran minimum sebanyak **RM50.00** atau **10% daripada deposit pelancongan** (mengikut yang mana-mana yang lebih rendah).
- (b) Jika syarikat **menerima notis pembatalan secara bertulis** dalam tempoh 29 hari atau kurang sebelum tarikh berlepas, kaedah-kaedah pengiraan berikut boleh digunakan:-
 - i) Bagi notis bertulis yang diterima dalam tempoh **15 - 29 hari bekerja sebelum tarikh berlepas**, caj maksimum adalah sebanyak **50% daripada deposit pelancongan** (adalah sebanyak 25% daripada nilai pakej pelancongan) akan dikenakan;

- ii) Bagi notis bertulis yang diterima dalam tempoh 8 - 14 hari bekerja sebelum tarikh berlepas, caj maksimum adalah sebanyak **20% daripada tambang pelancongan** akan dikenakan;
- iii) Bagi notis bertulis yang diterima dalam **tempoh 3 - 7 hari bekerja sebelum tarikh berlepas**, caj maksimum adalah sebanyak **40% daripada tambang pelancongan** akan dikenakan; dan
- iv) Bagi notis bertulis yang diterima dalam tempoh sekiranya notis pembatalan tersebut diterima **2 hari bekerja atau kurang sebelum tarikh berlepas**, caj maksimum adalah sebanyak **100% daripada tambang pelancongan** akan dikenakan.

Bagaimanapun, jika jemaah membeli pakej pelancongan / umrah berkumpulan, syarat-syarat sebagaimana berikut akan digunapakai:-

- (a) Jika syarikat **menerima notis pembatalan secara bertulis** dalam tempoh **45 hari atau lebih sebelum tarikh berlepas**, syarikat hanya boleh mengenakan fi pentadbiran minimum sebanyak **RM 30.00** atau **2% daripada deposit pelancongan** (mengikut yang mana-mana yang lebih rendah).
- (b) Jika syarikat menerima **notis pembatalan secara bertulis** dalam tempoh **44 hari atau kurang sebelum tarikh berlepas**, kaedah-kaedah pengiraan berikut boleh digunapakai:-

- i) Bagi notis bertulis yang diterima dalam tempoh **22 - 44 hari bekerja sebelum tarikh berlepas** akan menyebabkan **pelucutan deposit pelancongan**;
- ii) Bagi notis bertulis yang diterima dalam tempoh **5 - 21 hari bekerja sebelum tarikh berlepas**, caj maksimum adalah sebanyak **35% daripada tambang pelancongan** akan dikenakan;
- iii) Bagi notis bertulis yang diterima dalam tempoh **8 - 14 hari bekerja sebelum tarikh berlepas**, caj maksimum adalah sebanyak **50% daripada tambang pelancongan** akan dikenakan;
- iv) Bagi notis bertulis yang diterima dalam tempoh **3 - 7 hari bekerja sebelum tarikh berlepas**, caj maksimum adalah sebanyak **75% daripada tambang pelancongan** akan dikenakan; dan
- v) Sekiranya notis bertulis diterima dalam tempoh **2 hari bekerja atau kurang sebelum tarikh berlepas**, caj maksimum adalah sebanyak **100% daripada tambang pelancongan** akan dikenakan.

Sekian, terima kasih.